



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS
SEMARAK KASIH SETULUS BUDI
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH TAHUN
2017

MESMERA BALLROOM
HOTEL EVERLY, PUTRAJAYA

17 JANUARI 2018 (RABU)

Terima kasih Tuan dan Puan Pengacara Majlis.

Salam Sejahtera Dan Salam Negaraku Malaysia

Yang Berbahagia Datuk Borhan Bin Dollah,
Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan

YBhg. Dato' Azizan bin Haji Mohd Sidin
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

YBrs. Puan Norison binti Ramli
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

YBhg. Dato' Sollehuddin Alyubi bin Zakaria
Setiausaha Bahagian Kanan Khidmat Pengurusan

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi

Setiausaha-setiausaha Bahagian, Ketua-ketua Unit, Pegawai-pegawai Kanan
Kementerian

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan Para tetamu yang diraikan
pada majlis ini
Dan hadirin sekalian

Syukur kita kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama hadir dalam **Majlis Semarak Kasih Setulus Budi, KKLW 2017** pada malam ini.

Sebagaimana semua sedia maklum, Majlis ini diadakan khusus bagi menghargai jasa dan sumbangan bakti pegawai-pegawai Kementerian, Jabatan dan Agensi KKLW yang telah dan akan bersara. Pada masa yang sama, kita juga meraikan pegawai-pegawai yang telah bertukar keluar dari KKLW bagi meneruskan perkhidmatan mereka di Kementerian lain.

Dengan ini, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Dato', Datin, tuan/puan yang telah dan akan meninggalkan perkhidmatan awam, atas segala sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan. Khidmat bakti YBhg. Dato', Datin, tuan/puan sekalian adalah amat berharga, dan pastinya telah menyumbang kepada pembangunan serta kemajuan Kementerian ini khususnya dan Negara amnya.

Saya juga mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada tuan/puan yang telah bertukar keluar dari kementerian ini samada demi kemajuan kerjaya mahupun "beralih angin" bagi menimba pengalaman baru, teruskan kecemerlangan tuan/puan dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan, dengan penuh integriti dan dedikasi.

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin,

Tuan/Puan dan Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebagaimana kita sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan bahawa tahun 2017 merupakan tahun penyampaian terutama dalam bidang-bidang keutamaan Kerajaan. Ini bagi memastikan setiap perkhidmatan yang dijanjikan dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran dan benar-benar memberi manfaat demi kesejahteraan mereka.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, pihak kerajaan terutamanya KKLW dan agensi-agensi telah mencapai hampir 100% sasaran kerja yang ditetapkan pada tahun 2017. Kejayaan ini sudah tentu disumbangkan bukan hanya pegawai yang sedang berkhidmat tetapi ia juga dijayakan oleh pegawai-pegawai yang telah bertukar keluar dan bersara pada tahun 2017.

Saya amat menghargai usaha semua pihak terutama rakan-rakan pesara yang diraikan kerana tuan/puan turut sama dengan sedaya upaya mengembleng tenaga dalam menjayakan strategi dan agenda Kerajaan. Peranan dalam meneruskan cabaran getir bagi menterjemahkan segala dasar yang dirangka oleh Kerajaan, akan diteruskan oleh rakan-rakan yang menyambung tugasan tuan/puan.

Walau bagaimanapun saya amat mengalu-alukan sumbangan idea serta cadangan penambahbaikan dari rakan-rakan pesara terutama idea atau cadangan yang positif dan membina, serta dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh Perkhidmatan Awam. Mungkin dahulu, atas faktor kesibukan menangani tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kita tidak mempunyai masa yang panjang untuk berfikir secara kreatif tentang perkara-perkara yang boleh ditambah baik. Kini, saudara-saudari boleh menilai sendiri tahap perkhidmatan yang disediakan.

Kemukakanlah cadangan penambahbaikan yang berkaitan, di mana jua saudara-saudari berada, baik di agensi swasta atau korporat, di kampung halaman mahupun di luar negara. Sebagai anggota perkhidmatan awam yang sentiasa menyokong hasrat Kerajaan, saya percaya kita semua mempunyai matlamat yang sama, iaitu memastikan perkhidmatan kerajaan disampaikan kepada setiap rakyat dan pelanggan, di mana jua mereka berada. Ini seterusnya dapat membantu menjayakan aspirasi dan wawasan negara.

Kepada rakan-rakan seperjuangan saya, kita telah berjaya menetapkan hala tuju Kementerian ini bagi tahun 2018 setelah kita "berkampung" dan memerah idea dalam retreat kementerian tempoh hari, marilah kita bersama-sama melaksanakan tugas dan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komitmen, ikhlas dan berintegriti. Tiada orang lain yang lebih layak untuk menjayakan program-program yang telah dirancang, melainkan tuan puan, penjawat awam, dan untuk itu kita perlu mentransformasikan diri kita terlebih dahulu supaya lebih cekap, lebih responsif serta lebih terbuka dalam menyampaikan perkhidmatan.

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin,
Tuan/Puan dan Hadirin yang dihormati sekalian,

Saya percaya segala nostalgia, keunikan dan karisma, rakan-rakan seperjuangan yang telah bersara akan sentiasa diingati dan turut dirasai oleh warga Kementerian atau Jabatan di mana mereka bertugas. Apatah lagi sumbangan yang diberikan amat signifikan dan memberi impak yang besar kepada kecemerlangan Perkhidmatan Awam.

Indah nian bunga kasturi,
Mengharum semerbak di dinihari,
Sumbangan tuan tidak terperi,
Tiada ternilai dunia seisi.

Walau pun tuan tiada di sisi,
Kecemerlangan diberi sentiasa diingati,
Idea bestari sentiasa dinanti,
Sumbangan berterusan amat dihargai.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan "Selamat Bersara" dan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan atas jasa dan khidmat bakti dalam memajukan perkhidmatan awam. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang. Semoga saudara-saudari terus dikurniakan kesihatan yang baik serta rezeki yang berpanjangan.

Semoga Majlis Semarak Kasih Setulus Budi pada malam ini menjadi kenangan manis buat semua yang hadir.

Sekian,

Terima kasih.